

UMS lancar kempen kesedaran pejabat hijau

UB 9.1.2014 87

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) sudah bersiap sedia untuk melaksanakan segala nilai dan elemen berkaitan penjimatan tenaga dan pengurusan sisa buangan elektronik.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdul-lah berkata ini sejajar dengan hasrat universiti itu untuk menjadi model contoh kepada institusi pengajian tinggi (IPT) dalam pemuliharaan alam sekitar di negara ini.

Justeru itu, beliau berkata UMS melancarkan kempen ‘Kesedaran Pejabat Hijau’ yang bertujuan mengekalkan keseimbangan dan keharmonian bumi hijau.

“Saya percaya UMS sebagai

IPT harus bertanggungjawab meningkatkan kefahaman pendidikan dan menggandakan kesedaran warga UMS dan masyarakat betapa pentingnya pemuliharaan alam sekitar,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran kempen ‘Kesedaran Pejabat Hijau’ di kampus induk UMS, Likas, dekat Kota Kinabalu baru-baru ini.

Menurutnya, teknologi moden di pejabat seperti penyaman udara, peralatan moden pejabat dan penggunaan tenaga elektrik yang berlebihan adalah penyumbang utama kepada pemanasan global, pencemaran air dan udara.

Beliau berkata melalui kempen kesedaran ini, diharapkan warga UMS dapat membuat

perubahan sikap yang boleh membantu penjimatan tenaga di tempat kerja.

Mohd Harun berkata kesedaran ini dapat membantu mengurangkan kos operasi harian dalam penggunaan tenaga di kampus sekali gus menunjukkan teladan kepada komitmen pemuliharaan alam sekitar.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata pelancaran kempen itu adalah susulan daripada kempen ‘Rangka Tindakan Kampus Eko’ yang dilancarkan Januari tahun lepas.

UMS merupakan IPT yang pertama diisytihar sebagai ‘Kampus Eko’ dan usaha itu akan diteruskan dengan perlibatan semua petugas universiti itu, katanya. — Bernama